

## KETUA PUSTAKAWAN

Universiti Malaysia Sabah mempelawa calon-calon berkeelayakan dan berwibawa yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran Universiti Awam (UA) untuk mengisi jawatan Ketua Pustakawan. Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut:

|                         |                                                                                                                          |
|-------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jawatan</b>          | <b>: Ketua Pustakawan</b>                                                                                                |
| <b>Gred</b>             | <b>: Gred Utama C (VU7)</b>                                                                                              |
| <b>Taraf Lantikan</b>   | <b>: Secara Pertukaran Sementara/Pelantikan Sementara/Kontrak</b>                                                        |
| <b>Tempoh Lantikan</b>  | <b>: Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti</b>     |
| <b>Gaji dan Imbuhan</b> | <b>: Gaji permulaan dan imbuhan setara dengan gred Utama C (VU7) yang akan dipertimbangkan mengikut peraturan semasa</b> |

### SYARAT UMUM

- Pegawai yang berkeelayakan dari Kumpulan Pengurusan & Profesional Pentadbiran (Gred 52 dan ke atas) dan mempunyai rekod cemerlang.
- Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. Lulus SPM dengan Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) Bahasa Malaysia (termasuk ujian lisan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Sedang menyandang jawatan dalam perkhidmatan.
- Mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan dasar, standard dan amalan terbaik dalam pengurusan sumber ilmu, arkib serta perancangan strategik perpustakaan.
- Mempunyai integriti, etika kerja dan sifat kepimpinan yang tinggi berorientasikan sikap kerja berkumpulan.

### SYARAT KHUSUS

#### KRITERIA PEMILIHAN

Kriteria bagi seorang calon adalah berdasarkan kepada Kaedah Pelantikan Jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang yang diluluskan dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah (LPU) Bil. 1/2014 pada 18 Disember 2014 seperti berikut:

- Memimpin dan Mengurus** – mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, menggerakkan pasukan, mempunyai gagasan, visi dan misi jelas serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke aras budaya kecemerlangan.
- Komunikasi** – memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.
- Reputasi** – menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati masyarakat di dalam dan di luar kampus.

- (d) **Personaliti** – penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, berpandangan jauh, pemikiran yang rasional, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- (e) **Proaktif** – mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global serta analitikal.
- (f) **Dinamik** – mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
- (g) **Pengurusan Konflik** – berkeupayaan mengenal pasti konflik dan menguruskan dengan baik dan berhemah.
- (h) **Potensi** – mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan.
- (i) **Jati Diri** – mempunyai sifat jati diri dan patriotik, beretika, berintegriti dan berakhlak mulia.
- (j) **Adaptasi Teknologi** - Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.
- (k) Disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

#### CARA MEMOHON

- (a) Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan maklumat seperti berikut:
  - i. *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran paspot; dan
  - ii. Perancangan strategik sekiranya dilantik sebagai Ketua Pustakawan, UMS.
- (b) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temubual.
- (c) Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:

**Ketua Bahagian Sumber Manusia**

Universiti Malaysia Sabah  
 Aras 3, Blok Selatan  
 Bangunan Canselor, Jalan UMS  
 88400 Kota Kinabalu, Sabah  
 Emel: [perjawatan@ums.edu.my](mailto:perjawatan@ums.edu.my)

- (d) Tarikh tutup permohonan adalah pada **13 Julai 2020 (Isnin)**.
- (e) Proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka di mana pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan.

#### MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Seksyen Perjawatan, Bahagian Sumber Manusia:

**Encik Ismail Ladama**

Penolong Pendaftar  
 Bahagian Sumber Manusia  
 No. Tel. : 088-320 000 (Samb. : 103233)  
 Emel : [mail@ums.edu.my](mailto:mail@ums.edu.my)